

SIARAN BERITA

MyCC MENGELOUARKAN KEPUTUSAN CADANGAN MENGENAI KES MAS-AIRASIA

KUALA LUMPUR, 06 September 2013 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada hari ini telah mengeluarkan Keputusan Cadangan (“*Proposed Decision*”) mengenai perjanjian “*Comprehensive Collaboration Framework*” (atau “*Collaboration Agreement*”) antara Malaysian Airline System Berhad ('MAS') dan AirAsia Berhad's ('AirAsia'). MyCC telah mendapati bahawa kedua-dua syarikat penerbangan tersebut telah melanggar Akta Persaingan 2010 (“Akta”), Seksyen 4(2)(b) apabila membuat perjanjian yang mempunyai matlamat berkongsi pasaran dalam sektor servis pengangkutan udara yang dibekalkan kedua-dua syarikat tersebut di Malaysia.

“Perkongsian pasaran adalah pelanggaran yang serius dibawah Akta kerana pelanggaran tersebut mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan,” kata Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato’ Seri Siti Norma Yaakob. “Apabila perniagaan bersepakat untuk berkongsi pasaran, mereka bersetuju untuk tidak bersaing pada kos yang akhirnya mungkin ditanggung konsumen.”

Keputusan Cadangan tersebut menggariskan penalti kewangan yang dicadang dikenakan ke atas MAS dan AirAsia berdasarkan pusing ganti yang telah diperolehi antara 1hb Januari 2012 dan 30hb April 2012 dari penerbangan masing-masing di empat laluan domestik berikut:

- i. Kuala Lumpur-Kuching;
- ii. Kuala Lumpur-Kota Kinabalu;
- iii. Kuala Lumpur-Sandakan; dan
- iv. Kuala Lumpur-Sibu

MyCC membuat kesimpulan bahawa menurut pelanggaran Seksyen 4(2)(b) oleh kedua-dua pihak, MyCC boleh mengenakan ¹penalti kewangan RM10,000,000.00 ke atas MAS dan AirAsia.

Penalti kewangan ini adalah kurang daripada 10% pusing ganti sedunia (“*worldwide turnover*”) kedua-dua syarikat tersebut antara bulan Januari dan April 2012. Jumlah penalti kewangan tersebut juga mengambil kira faktor peringangan (“*mitigating factors*”) seperti kerjasama dalam perkongsian data dan maklumat serta tindakan sukarela yang diambil oleh kedua-dua pihak dalam memansuhkan rujukan kepada laluan dan tumpuan pasaran seperti dinyatakan dalam perjanjian “*Collaboration Agreement*” daripada perjanjian “*Supplemental Agreement*” mereka yang berikutnya yang bertarikh 2hb Mei 2012.

Kedua-dua pihak mempunyai tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh Keputusan Cadangan itu dikemukakan untuk memberi perwakilan bertulis atau memberi indikasi sama ada ingin membuat perwakilan lisan kepada MyCC.

---tamat---

¹ Penalti kewangan yang dikenakan MyCC tidak melebihi statutori maksima yang ditetapkan dibawah subseksyen 40(4) yang menyatakan: "Penalti kewangan tidak harus melebihi sepuluh peratus daripada pusing ganti ("turnover") sesebuah perusahaan dalam tempoh pelanggaran berlaku."

NOTA PENGARANG:

Butiran mengenai Sekysen 4 (1) dan (2) Akta Persaingan 2010: *Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang adalah seperti berikut:

4. (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.
 - (2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk—
 - (a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;
 - (b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;
 - (c) membataskan atau mengawal—
 - (i) pengeluaran;
 - (ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;
 - (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
 - (iv) pelaburan; atau
 - (d) melakukan tipuan bida, adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barang atau perkhidmatan.

*“Perjanjian mendatar” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran; “Perjanjian menegak” ertinya suatu perjanjian antara perusahaan yang setiapnya beroperasi pada peringkat yang berlainan dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran.

LATAR BELAKANG KES

1. Pada 9 Ogos 2011, MAS, AirAsia dan AirAsia X Sdn Bhd (“AAX”) masing-masing telah menandatangani sebuah perjanjian yang dinamakan “*Comprehensive Collaboration Framework*” (juga dikenali sebagai “*Collaboration Agreement*”) dengan tujuan untuk memfokuskan kecekapan utama, menghasilkan produk yang lebih baik dan memberi

pilihan kepada pengguna dan yang akhirnya untuk menghasilkan nilai terbaik bagi semua pihak yang berkepentingan.

2. Mengikut aplikasi Akta Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan (MyCC) telah membuat kesimpulan bahawa AAX dan AirAsia adalah suatu unit ekonomi tunggal. Oleh itu, keputusan yang dicadangkan oleh MyCC ditujukan kepada MAS dan AirAsia sahaja.
3. Sebahagian daripada “*Collaboration Agreement*” itu melibatkan Khazanah Nasional Berhad dan Tune Air Sdn Bhd yang menandatangani perjanjian pertukaran saham supaya terdapat pemegangan saham bersilang (“*cross-holding of shares*”) di mana ia menjadikan Tune Air Sdn Bhd sebagai pemegang bagi 20.5% saham MAS dan Khazanah Nasional Berhad sebagai pemegang 10% saham AirAsia. Kedua-dua pihak juga bersetuju bahawa MAS akan menjadi syarikat perkhidmatan penerbangan penuh premium (“*full-service premium carrier*”) dan pada masa yang sama, AirAsia dan AAX pula masing-masing menjadi syarikat penerbangan kos rendah serantau (“*regional low-cost carrier*”) dan syarikat penerbangan kos rendah bagi jarak sederhana dan jauh (“*medium to long haul low cost carrier*”).
4. Disebabkan oleh bantahan orang ramai terhadap perjanjian ini, MyCC atas inisiatif sendiri mengkaji perjanjian tersebut. Walaubagaimanapun, oleh sebab perjanjian ini dibuat sebelum Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan, iaitu sebelum 1 Januari 2012, MyCC memulakan kajian serta siasatan secara formal hanya selepas penguatkuasaan Akta ini.
5. Justeru, penalti kewangan yang dikenakan ke atas MAS dan AirAsia adalah berteraskan kepada pusing ganti (“*turnover*”) yang diperolehi di antara 1 Januari 2012 dan 30 April 2012 disebabkan Akta ini hanya dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 dan kedua-dua pihak telah memansuhkan rujukan kepada laluan dan tumpuan pasaran seperti yang tertera pada perjanjian “*Collaboration Agreement*” tersebut di dalam “*Supplemental Agreement*” mereka yang berikutnya bertarikh 2 Mei 2012.
6. Pada masa yang sama, MyCC telah menerima satu aduan dari Federation of Malaysian Consumers Association ('FOMCA') bertarikh 24 Februari 2012 terhadap kerjasama yang dibentuk oleh MAS dan AirAsia melalui perjanjian tersebut.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: rowena@mycc.gov.my

Anis Syafiqah, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC adalah badan bebas dibawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Peranan utamanya ialah untuk melindungi proses persaingan untuk kepentingan perniagaan, pengguna dan ekonomi.

Akta ini merangkumi kesemua aktiviti komersil yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia adalah suatu perundangan ke atas isu persaingan yang meliputi kuasa untuk menyiasat, mengadili dan mengenakan penalty ke atas seseiapa yang melanggar Akta Persaingan 2010.

Untuk maklumat lanjut, tentang Akta ini dan aktiviti MyCC, sila masuk ke laman web www.mycc.gov.my.